

Tony Pua jemput Tee Yong lawat 'tanah murah' dibeli BN
Malaysian Insider
Disember 05, 2012
Oleh Nomy Nozwir

KUALA LUMPUR, 5 Dis – Timbalan Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua menjemput Pengerusi Biro Profesional Muda MCA, Datuk Chua Tee Yong untuk melawat 24 keping tanah didakwa dibeli dengan murah oleh Barisan Nasional (BN), dalam apa yang beliau katakan sebagai "skandal tanah MCA" di Selangor.

Menurut Pua, Chua membuktikan dirinya sebagai 'obses' dengan skandal tanah, terutamanya di Selangor.

"Firma audit antarabangsa KPMG dan kerajaan negeri Selangor telah membentangkan kertas putih bagi membuktikan bahawa kerajaan negeri mengutip semua hutang tertunggak Talam Corporation semasa pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang tidak pernah dikutip ketika mereka berkuasa.

"Memandangkan dirinya begitu berminat untuk mencari 'skandal tanah' di Selangor untuk mencari kesalahan Menteri Besar, saya bercadang untuk memberi peluang kepada Chua untuk membongkar skandal tanah sebenar di Selangor.

"Saya menjemput Chua dan pakar audit untuk melawat 24 keping tanah yang dibeli parti-parti komponen BN sekitar tahun 2000 hingga 2008, dengan nilainya berjumlah RM200 juta," kata Tony Pua dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Chua, BN Selangor begitu cepat mempertahankan pengambilan tanah itu walaupun terbukti terdapat penyelewengan kuasa di situ, seperti ketua penerangan Umno Selangor Abdul Shukor Idrus, yang merupakan ahli dewan undangan negeri (ADUN) Kuang yang mengatakan "tiada salahnya memberi tanah kepada Umno yang telah memperjuangkan kemerdekaan dan pembangunan negara".

"Begitu juga ADUN Kuala Kubu Baru, Datuk Wong Koon Mun yang mendakwa pemberian tanah kepada MCA dengan membandingkan dengan pemberian tanah untuk sekolah dan rumah ibadat yang rendah harganya," kata Tony Pua lagi.

Beliau turut berkata, dua ahli dewan undangan negeri DAP, Ng Suee Lim dan Hannah Yeoh telah melawat kawasan tanah yang berkeluasan 87,188 kaki persegi di Ara Damansara semalam, di mana mereka mengatakan tidak ada pembinaan tadika atau dewan serbaguna, sebaliknya kondominium 200 unit yang bernilai RM500 juta yang siap pada tahun 2006.

"Tujuan lawatan ini diadakan untuk memastikan jika tanah tersebut digunakan untuk kegunaan masyarakat, atau dibangunkan sebagai komersil untuk keuntungan peribadi, dan jika keuntungan dibuat, kami ingin mengetahui berapa jumlah keuntungan yang dilakukan oleh Umno, MCA, MIC dan Gerakan ke atas tanah tersebut, dari penjualan tanah dengan harga murah oleh kerajaan negeri Selangor semasa diperintah BN," kata Tony Pua lagi.

Tony Pua berkata, adalah penting untuk memastikan Chua bersetuju ke lawatan tersebut bagi memastikan tidak ada elemen rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh BN dalam mendapat tanah-tanah tersebut, dan yang paling penting tidak ada elemen keuntungan dari transaksi tersebut.

"Jika lawatan ini dapat membuktikan Umno, MCA, MIC dan Gerakan mendapat keuntungan beratus juta ringgit, Datuk Chua mesti mengatakan ini tidak mengikut etika dan mesti memulangkan kepada kerajaan negeri untuk kebajikan rakyat.

"Jika tidak, tidak guna bersikap hipokrit jika hanya berjuang untuk kepentingan sendiri dan parti," kata Tony Pua lagi.

DAP Selangor hari ini mendedahkan Umno negeri berkenaan menjual dua ekar tanah di Kelana Jaya untuk mengaut keuntungan dan bukannya membangunkan pusat komuniti.

Tanah berkenaan adalah antara 24 bidang tanah yang didakwa Pakatan Rakyat (PR) Selangor dijual kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) sewaktu negeri tersebut di bawah pemerintahan mereka.

Kelab Penyokong Kerajaan PR Selangor bulan lalu mendedahkan berlakunya "projek sapu tanah" oleh parti komponen BN di Selangor yang melibatkan 24 keping tanah yang bernilai RM300 juta.

Kegiatan itu didakwa berlaku di tujuh daripada sembilan daerah di negeri tersebut yang dijual pada harga RM1 kaki persegi semasa pemerintahan BN antara tahun 2000 hingga 2008.

Daripada jumlah itu, 15 daripadanya dimiliki Umno Bahagian atau Cawangan, dengan enam daripadanya dimiliki Ketua Bahagian Umno Sungai Besar, yang pada masa itu diketuai oleh bekas Menteri Besar Datuk Seri Khir Toyo.

Turut dikaitkan dengan skandal tersebut adalah bekas Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu, bersama S. Subramaniam dan Almarhum Tan Sri SOK Ubaidullah, yang merupakan pengasas MIC, yang didakwa dinamakan sebagai pemegang amanah untuk tanah berkeluasan 2,832 ekar di Kuala Selangor.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tony-pua-jemput-tee-yong-lawat-tanah-murah-dibeli-bn/>